

29 AUG 2001

WAKIL RAKYAT BN PERLIS BINCANG ADUAN TERHADAP ADUN BESERI

KANGAR, 29 Ogos (Bernama) -- Wakil-wakil rakyat Barisan Nasional Perlis hari ini membincangkan prestasi Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Beseri, Zahidi Zainul Abidin ekoran beberapa aduan orang ramai bahawa beliau sukar ditemui.

Speaker dewan Abdul Azib Saad berkata mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim juga diberitahu bahawa Zahidi tidak menghadiri beberapa majlis rasmi.

Katanya mesyuarat memutuskan supaya isu itu dimaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Azib berkata bekas anggota dewan undangan negeri Beseri, Nordin Abdullah dilantik menjalankan tugas bagi pihak kerajaan di kawasan itu.

Zahidi, 40, Pengerusi Biro Belia Pemuda Umno, memenangi kerusi itu pada pilihan raya umum 1999 dengan mengalahkan calon Pas, Abdul Rahman Rejab dengan majoriti 819 undi. Beliau adalah bekas Ketua Pemuda Umno Perlis.

Beliau tidak dapat dihubungi di kediamannya di sini kerana dipercayai berada di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

AD MAI